

24 NOV 2002

Sukan-Sepak Takraw (Dadah)

TIGA PEMAIN DIGANTUNG DUA TAHUN KERANA MORFIN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Tiga pemain kebangsaan - Hanif Azman, Firdaus Abdul Ghani dan Aznan Raslan - yang didapati positif dengan dadah morfin masing-masing digantung dua tahun oleh Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM).

Mesyuarat Majlis PSM yang bersidang selama tiga jam setengah dan dipengerusikan oleh pemangku Presidennya Tengku Muhammad Sultan Abu Bakar di sini, hari ini mendapati ketiga-tiga pemain itu bersalah mengambil ubat batuk haram itu.

"Setelah meneliti laporan jawatankuasa siasatan, kami mendapati ketiga-tiga pemain ini bersalah kerana melanggar kod ujian dadah Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC)," kata Muhammad kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Beliau berkata penggantungan itu berkuatkuasa hari ini dan sebarang rayuan daripada ketiga-tiga pemain untuk mengurangkan jangka masa penggantungan tidak akan dilayan.

"Selepas penggantungan ke atas mereka berakhir, mereka akan diawasi selama setahun lagi dan sekiranya pemain ini mengulangi perbuatan mereka, kita tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman penggantungan seumur hidup," katanya.

Muhammad berkata ketiga-tiga pemain terbabit gagal memberikan jawapan yang munasabah bagaimana dan dari mana mereka mendapat ubat batuk haram itu.

Beliau berkata keputusan Majlis PSM itu akan dimaklumkan secepat mungkin kepada pemain terbabit serta Pesuruhjaya Sukan.

Hanif, Firdaus dan Aznan masing-masing dihantar pulang dari Sukan Asia di Busan bulan lepas setelah ujian rambang yang dilakukan ke atas air kencing mereka sebelum bertolak ke Busan didapati positif dengan dadah morfin.

PSM kemudiannya menubuhkan sebuah jawatankuasa siasatan yang dipengerusikan naib presidennya Zainal Abidin Mohd Zain untuk mencari jawapan kepada masalah itu.

Ketiga-tiga pemain dipanggil untuk memberi keterangan mereka kepada jawatankuasa siasatan yang turut mendapatkan keterangan daripada Pengarah Institut Sukan Negara (ISN), Dr Ramlan Abdul Aziz, pegawai penyelarar sepaktakraw Majlis Sukan Negara (MSN), Hazani Hashim, pengurus pasukan Tengku Adnan Tengku Burhanuddin dan jurulatih Ismail Ahmad.

Selain Zainal, jawatankuasa siasatan itu membabitkan empat lagi pegawai termasuk Pakar Perubatan Pekerjaan dan Sukan Dr Gurcharan Singh, pegawai Cawangan Narkotik Bukit Aman ASP Azman Mat Jan, Ahli Jawatankuasa Pertandingan PSM Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden Kongres Tenpin Boling Malaysia, George Heng.

-- BERNAMA

HRS RV NAK